




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 526 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 44,602 kes. Tiada kematian direkodkan hari ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 369 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 40,133 orang. Sejumlah 2,849 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 769 orang di hospital dan 2,080 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 80 orang dan 21 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran bertukar dari zon jingga ke zon merah. Manakala Daerah Kuala Penyu bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Peningkatan jumlah kes positif COVID-19 hari ini adalah disebabkan saringan besar-besaran yang giat dijalankan oleh PERKESO di kilang-kilang terutama di kawasan Pantai Timur Sabah seperti:
  - i. Ladang Baturong Kunak (73 kes)
  - ii. Ladang GNG Kinabatangan (15 kes)
  - iii. Ladang Matamba L Datu (20 kes)
  - iv. Ladang Dan Kling segamaha (43 kes)
- 6 Daripada 526 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 364 kes (69.2%) adalah berpuncu dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 80 kes (15.2%), saringan kluster sedia ada 29 kes (5.5%), saringan komuniti 2 kes (0.4%), saringan pelajar masuk asrama 10 kes (1.9%) dan 41 kes (7.8%) adalah dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,066 unit. Manakala, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam pula berjumlah 4,633 unit. Jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,779 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 41.9%.

## **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **318,889** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## **C. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 65 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 30,471 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 158 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun 40 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 48 hebahuan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 35 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 11 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam 22 premis di sembilan (9) daerah iaitu Tawau, Kudat, Tambunan, Kinabatangan, Kota Marudu, Lahad Datu, Sandakan, Semporna dan Kota Kinabalu.

- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 109 lokasi di 18 daerah. Hebahan dibuat dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun dan Bahasa Bajau.

#### **D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Ranau	94%
3	Kota Belud	94%
4	Kota Marudu	94%
5	Kunak	94%
6	Kinabatangan	94%
7	Tenom	94%
8	Beluran	94%
9	Papar	93%
10	Tuaran	93%
11	Kudat	93%
12	Keningau	93%
13	Beaufort	93%
14	Sandakan	92%
15	Semporna	92%
16	Kota Kinabalu	91.5%
17	Penampang	91.5%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

**Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, duduklah di rumah jika tiada urusan penting. Di samping mengurangkan risiko jangkitan wabak COVID-19, kita dapat meluangkan masa untuk menjaga dan memerhatikan aktiviti anak-anak terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

**19 Januari 2021**